

Oleh Mohamad Zulhairie
Manzaidi
am@hmetro.com.my
Tumpat

Bimbang rumah lenyap

Ketika kerajaan menegah pembinaan rumah berdekatan tebing sungai selepas banjir Disember lalu, penduduk Kampung Pasir Pekan Tengah yang tinggal berdekatan tebing Sungai Kelantan terus kebimbangan dengan masalah hakisan teruk yang berlaku di kawasan itu.

Walaupun rumah mereka agak jauh dari sungai, tetapi hakisan boleh menyebabkan berlakunya runtuh.

Seorang penduduk kampung Che Rogayah Ibrahim, 65, berkata, mereka buntu untuk mengadu kepada siapa berikutan masalah itu.

“Sebelum banjir, kami tak bimbang sangat sebab jarak rumah dengan tebing masih jauh, tetapi impak banjir menyebabkan 50 meter tebing runtuh dan jarak semakin mengecil.

“Banyak tanaman seperti sayur-sayuran, ubi kayu, pokok kelapa musnah akibat runtuhannya itu. Harap sangat pihak berkuasa datang meninjau keadaan ini.

“Kami sebenarnya tidak tahu kepada siapa nak mengadu, harap media dapat membantu,” katanya ketika ditemui, di sini.

Seorang lagi penduduk Wan Deraman Wan Mat, 61, mencadangkan pihak berkuasa membina benteng simen di tebing itu bagi me-



“Saya merayu kepada pihak berkuasa yang bertanggungjawab agar bertindak segera”
Wan Deraman
Wan Mat

PENDUDUK melihat tebing sungai yang runtuh akibat banjir.

■ Penduduk tinggal dekat tebing Sungai Kelantan gusar masalah hakisan tanah semakin meruncing

ngurangkan risiko.

Katanya, beberapa rumah yang paling hampir berisiko untuk runtuh sekiranya hakisan tidak ditangani segera.

“Perkara ini amat membimbangkan penduduk kampung kerana bukan sa-

haja berhadapan dengan kehilangan tempat tinggal, malah keselamatan kami juga terancam.

“Justeru, saya merayu kepada pihak berkuasa yang bertanggungjawab agar bertindak segera secepat mungkin,” katanya.

Sementara itu, Sawiyah Daud, 57, berkata, aktiviti sedut pasir di Sungai Kelantan sejak tujuh tahun lalu juga antara punca berlaku hakisan.

Katanya, kerajaan negeri perlu menilai aktiviti berkenaan dan syarikat yang

diberi lesen supaya tiada pihak yang menyalah guna dan menimbulkan masalah kepada orang lain.

“Tindakan ini penting kerana ia dapat mengelak kejadian tidak diingini ke atas penduduk pada masa depan,” katanya.